

Kuota 10% hadkan bumiputera di IPTS

UM 15 JUN 2002

SUBANG 14 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak bersetuju dengan penetapan kuota 10 peratus untuk pelajar bumiputera di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) kerana ia hanya akan mengurangkan bilangan mereka di institusi tersebut.

Menurut Perdana Menteri, pada masa ini, jumlah pelajar bumiputera di IPTS adalah besar dan penetapan kuota hanya akan mengurangkan dan menghadkan bilangan tersebut.

Beliau berkata: "Mengapa perlu memperjuangkan 10 peratus kalau kita sebenarnya boleh mendapat 50 atau 60 atau mungkin 100 peratus.

"Inilah yang berlaku kepada IPTA. Jumlah pelajar bumiputera yang la-

yak sangat ramai dan melebihi kuota tetapi kerana kuota dihadkan kepada 55 peratus, ramai (pelajar bumiputera) yang tidak dapat masuk.

"Tetapi tahun ini, oleh kerana ramai yang layak, maka lebih daripada 55 peratus (pelajar bumiputera) masuk IPTA."

Kurang senang

Perdana Menteri menyatakan demikian kepada pemberita setibanya dari lawatan ke Vatican City, Switzerland dan Luxembourg di pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas mengenai isu kuota 10 peratus pelajar bumiputera di IPTS yang dikehendaki oleh Pergerakan Pemuda UMNO.

Desakan Pemuda UM-

NO itu telah menimbulkan rasa kurang senang di kalangan sesetengah pemimpin kaum lain dan Presiden MCA, Datuk Seri Dr. Ling Liong Sik yang menyifatkan ia sebagai tidak perlu kerana bumiputera telah mendapat pelbagai kemudahan pendidikan yang lain.

Kenyataan Ling itu bagaimanapun disanggah oleh Pemuda UMNO sambil menyifatkan pemimpin MCA itu sebagai angkuh dan tidak sensitif.

Bagaimanapun, kabinet pada mesyuaratnya Rabu lalu menolak penetapan kuota untuk pelajar bumiputera di IPTS, sebaliknya mengarahkan supaya bilangan pelajar bumiputera di institusi itu ditambah.

Mengulas lanjut, Dr.

Mahathir berkata, jika ramai pelajar bumiputera layak ke IPTS, kesemua mereka harus diberikan peluang untuk melanjutkan pelajaran tanpa mengira jumlah mereka.

Ditentukan

Katanya, apa yang sebenarnya berlaku sehingga perkara itu menjadi satu isu ialah salah faham di kalangan sesetengah pihak.

"Saya tidak fikir kita harus hadkan kepada 10 peratus sahaja, kalau ada banyak yang layak," jelasnya.

Perdana Menteri berkata, jika kuota untuk sesuatu kaum itu ditentukan, ramai pelajar yang layak tidak akan mendapat tempat kerana kuota yang telah ditetapkan itu.